

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 17 NOVEMBER 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 6, 8
HINGGA 41)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAW ANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARI PAD
A**

**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011

SOALAN

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan memandangkan keputusan
terbaru daripada Mahkamah Tertinggi
Australia berkaitan dengan perjanjian
manghantar 4000 pelarian kepada
Malaysia, adakah Kerajaan bercadang
untuk menandatangani Konvensyen
Antarabangsa Pelarian 1951.**

PERTANYAAN BAGI JAWAB L1SAN

DEWAN RAKYAT

No. Soalan : 10

PR-1243-

L45818

**PERTANYAAN :
DARI PAD
A**

BAGI JAWAB LISAN

Y.B. WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

**TARIKH
SOALAN**

17 NOVEMBER 2011

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

minta Menteri Luar Negeri

menyatakan sebab-sebab Malaysia tidak meratifikasi Konvensyen 1951 PBB yang berkaitan dengan Status Pelarian dan 1967 Protokol sebelum memasuki ke dalam perjanjian pertukaran pelarian dengan Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Subang bersama soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Selayang di giliran ke-10 pada hari ini, kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum Malaysia mengambil tindakan untuk menandatangani (dengan izin) "*Convention relating to the Status of Refugees 1951*", Kerajaan perlu melihat kesan penyertaannya dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial berikutan kehadiran 'warga-warga pelarian' serta dari aspek beban kewangan yang perlu ditanggung. Ini kerana Negara-Negara Pihak kepada Konvensyen berkenaan mempunyai obligasi yang perlu dipatuhi, seperti kemudahan kesihatan secara percuma, akses kepada kemudahan pelajaran, peluang pekerjaan, urusan penyediaan penempatan di samping menerima mereka sebagai ahli komuniti.

3. Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada konvensyen tersebut, sukacita saya jelaskan bahawa atas dasar perikemanusiaan, kita tetap menghulur bantuan kemanusiaan kepada individu-individu yang telah diiktiraf oleh UNHCR sebagai 'pelarian' dan diberi kad UNHCR tanpa mengira kewarganegaraan.

4. Berhubung dengan keputusan Mahkamah Tinggi Australia mengenai perjanjian pertukaran pemohon suaka antara Malaysia

dan Australia, ingin ditegaskan bahawa keputusan tersebut adalah satu urusan dalaman negara berkenaan, yang mana ia tidak mempunyai impak ke atas keputusan Malaysia untuk menyertai atau tidak menyertai (dengan izin) *Convention relating to the Status of Refugees 1951* tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH 17 NOVEMBER 2011
SOALAN

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar dan jumlah bayaran elaun kepada doktor pelatih yang bertugas 'on call' semenjak skim imbuhan ini dilaksanakan dan apakah rasionalnya langkah Kementerian membatalkan tugas 'on call' kepada kerja mengikut syif untuk doktor pelatih.

Tan Sri Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin terhadap keperluan latihan amali pegawai perubatan siswazah (PPS), di mana pada masa lalu mereka terpaksa bekerja pada waktu bekerja biasa dan diikuti dengan tugas atas panggilan (dengan izin *on-call*). Semua PPS yang menjalankan tugas atas panggilan diberikan imbuhan RM100 pada hari

biasa dan RM110 pada hari cuti mingguan dan hari kelepasan am seperti yang telah diluluskan oleh kerajaan semenjak 2005.

I

Terdapat maklumbalas dari pelbagai pihak termasuklah PPS di mana tempoh masa bekerja bagi PPS semasa bertugas atas panggilan adalah panjang iaitu 90 jam seminggu berbanding dengan penjawat awam lain. Tempoh kerja yang panjang ini menyebabkan terdapat PPS yang tidak mendapat masa rehat yang mencukupi.

Oleh itu sistem kerja fleksi diperkenalkan di mana secara purata jangkamasa kerja adalah 60 jam seminggu. Manakala PPS bertugas 5 hari seminggu dengan diberikan 2 hari kelepasan mingguan. Namun perlepasan mingguan ini tidak semestinya diberikan pada hari Sabtu atau Ahad. Adalah diharap dengan masa kerja yang lebih pendek ini membuka lebih ruang kepada PPS untuk lebih fokus dalam latihan dan kemahiran amali mereka serta dapat memberikan perkhidmatan rawatan perubatan yang terbaik kepada pesakit.

Perlaksanaan waktu kerja fleksi ini telah berkuatkuasa mulai 1 September 2011 di semua Hospital Kerajaan yang menyediakan latihan pegawai perubatan siswazah. Dengan perlaksanaan waktu kerja fleksi ini, PPS tidak lagi bertugas atas panggilan dalam tempoh yang panjang. Walaupun mereka tidak lagi layak mendapat elaun atas panggilan namun pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah memohon pertimbangan Kerajaan supaya PPS diberikan elaun khas. Pemberian elaun khas ini adalah kerana atas keperluan latihan PPS perlu melakukan tugas lebih masa dan diluar waktu kerja biasa secara tetap. YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober 2011 telah meluluskan pemberian elaun insentif khas tersebut sebanyak RM600

sebulan yang berkuatkuasa 1 September 2011.

Dengan sistem *Flexi Hour* ini, Pegawai Perubatan Siswazah akan diberi tugas purata 60 jam seminggu, dan dibayar elaun khas sebanyak RM600 sebulan. Dengan waktu kerja yang lebih teratur ini, diharap PPS akan dapat menjalani latihan dengan baik dan belajar prosedur yang perlu sahaja sebagai persediaan akhir sebelum didaftar penuh sebagai Pengamal Perubatan, setelah selesai menjalani latihan selama 2 tahun.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG
TARIKH MANIS]
SOALAN : 17 NOVEMBER 2011

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sama ada Kementerian dapat
mempertimbangkan projek pembaikan benteng di beberapa
perkampungan di Pulau Bruit yang telah sekian lama roboh
dan selalu mengakibatkan banjir serta kerosakan tanam-
tanaman kampung tersebut. .

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Masalah hakisan pantai menyebabkan ban sedia ada pecah dan tidak dapat menghalang kemasukan air masin di kawasan pertanian. Masalah banjir menjejaskan pengeluaran hasil pertanian dan membawa kerosakan harta benda. Hakisan pantai telah berlaku sejak kebelakangan ini iaitu pada akhir tahun 2008 dan awal tahun 2009. Kawasan Skim Saliran Terkawal Sebako Blok A di Pulau Bruit mengalami impak yang teruk kerana ianya terletak berhampiran dengan kawasan pantai dan menghadap ke Laut China Selatan. Kejadian ombak besar yang berlaku pada musim tengkujuh telah menyebabkan kawasan ban sepanjang 1.5km di Skim Saliran Terkawal Sebako Blok A telah runtuh dan terhakis lalu mengakibatkan banyak tanaman telah musnah dan petani mengalami kerugian. Pejabat JPS Mukah telah membina "*retreat bund*" di kawasan berkenaan pada tahun 2009, walaubagaimanapun struktur berkenaan

Sehubungan itu, bagi tujuan pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011, pihak KPM menggalakkan pihak sekolah yang tidak mempunyai kemudahan padang permainan supaya dapat menjalankan usaha seperti guna sama padang sekolah berhampiran, mengguna kemudahan padang sama ada milik agensi kerajaan yang lain, Badan Berkanun,

Majlis/Persatuan Sukan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berdekatan. Penggunaan kemudahan padang tersebut boleh diusahakan melalui jaringan kerjasama antara pihak sekolah dengan agensi berkaitan sama ada secara percuma atau pun dengan bayaran kadar sewaan yang minimum.

Di samping itu untuk tujuan pelaksanaan dasar 1M1S, pihak sekolah juga boleh melaksanakan aktiviti sukan yang bersesuaian dengan menggunakan kemudahan dewan atau gelanggang permainan yang terdapat di sekolah-sekolah.

Selain itu, KPM juga menjalankan usaha menaiktaraf padang permainan yang sedia ada bagi sekolah-sekolah terpilih dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi membolehkan pihak sekolah dapat menjalankan aktiviti sukan secara optimum dan berkesan. KPM juga sentiasa memastikan bahawa kemudahan padang permainan disediakan dalam setiap pembinaan sekolah-sekolah baru yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMK-10.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

**TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERAMAHKOTA]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rasional membenarkan kenaikan caj dan cukai 6% kepada pengguna telefon mudah alih prabayar kepada seluruh pengguna di negara kita serta bagaimana dengan caj-caj terselindung yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai perkhidmatan merupakan cukai penggunaan dan dicajkan terhadap pengguna sebagaimana yang digariskan dalam perundangan cukai perkhidmatan selaras dengan mekanisme percukaian negara. Oleh itu, pematuhannya merupakan satu keperluan undang-undang.

Isu pengenaan cukai perkhidmatan 6% bagi talian telefon prabayar ini sedang dibincangkan bersama antara Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; Kementerian Kewangan dan syarikat-

SOALAN NO: 12

syarikat telekomunikasi untuk mencari penyelesaian yang tidak akan membebankan pengguna.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD
(PULAI)**

PERTANYAAN : LI SAN

TARIKH : 17.11.2011

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penubuhan agensi bertindih dengan Syarikat Prasarana Negara bernama MRT Co. untuk melaksanakan pembinaan projek MRT. Adakah tindakan ini bermakna bahawa Kementerian tidak yakin dengan kewibawaan Lembaga Pengarah Syarikat Prasarana Negara bagi melaksana projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Kerajaan melaksanakan projek MRT adalah untuk memberi impak positif kepada pembangunan negara dengan mewujudkan kesan pengganda ke arah mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Projek MRT ini dijangka dapat menjana 130,000 peluang pekerjaan dan pendapatan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun yang menyumbang secara langsung kepada pendapatan per kapita (GNI) sepanjang tempoh pembinaan hingga beroperasi sepenuhnya. Selain itu, ianya dijangka dapat meningkatkan lagi pertumbuhan nilai hartanah di kawasan sekitarnya yang secara keseluruhannya dijangka akan menyumbang penambahan sebanyak RM21 bilion termasuk hasil produktiviti menjelang tahun 2020. Selain itu, kesan limpahan ekonomi daripada pelaksanaan projek MRT juga akan turut dinikmati oleh kawasan-

kawasan berhampiran Lembah Kelang dengan pertumbuhan pesat kawasan komersial dan perumahan.

Berasaskan kepada kesan limpahan hasil yang signifikan berkenaan, Kerajaan amat komited dalam memastikan pelaksanaan projek MRT ini diuruskan dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, struktur pelaksanaan projek MRT perlu diubahsuai untuk menghadapi cabaran-cabaran akan datang, terutamanya kemungkinan kos projek yang akan melambung sekiranya berlaku kelewatan. Justeru itu, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) baru iaitu MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Co) untuk melaksanakan projek MRT bagi menggantikan peranan yang dimainkan oleh Prasarana sebelum ini.

Persoalan mengenai isu pertindihan di antara Prasarana dengan MRT Co tidak timbul kerana perubahan struktur projek MRT ini merupakan opsyen terbaik yang dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi memastikan projek MRT ini memenuhi keperluan *stakeholders* dan rakyat. Dengan wujudnya syarikat MRT Co, pihak syarikat dapat memberi tumpuan sepenuhnya ke atas perancangan dan pelaksanaan projek, manakala pihak Kerajaan pula dapat memantau pelaksanaan projek ini dengan lebih dekat, cekap dan berkesan. Asas utama kepada penubuhan MRT Co. berkenaan adalah setelah mengambil kira beban tanggungjawab yang perlu digalas oleh Prasarana pada masa ini dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam darat meliputi perkhidmatan LRT, Monorel dan bas di Lembah Klang. Tanggungjawab Prasarana tersebut adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan *National Key Economic Area* (NKEA) antaranya, inisiatif penambahbaikan perkhidmatan aliran transit ringan (LRT), monorel dan bas di kawasan Lembah Kelang ke arah peningkatan sasaran nisbah penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dari 25% pada tahun 2012 kepada 50% pada tahun 2020.

Dalam hubungan ini juga, berdasarkan kepada prestasi serta komitmen Lembaga Pengarah Prasarana, Kerajaan sentiasa meletakkan keyakinan yang

tinggi terhadap kemampuan dan keupayaan Lembaga Pengarah untuk memikul tanggungjawab menggapai aspirasi Kerajaan dalam transformasi pengangkutan awam di Lembah Kelang. Oleh hal yang demikian, tidak timbul persoalan bahawa Kerajaan tidak yakin dengan kewibawaan Lembaga Pengarah Prasarana dalam mengendalikan projek MRT memandangkan tanggungjawab mereka sedia ada adalah cukup besar dan berat bagi mencapai matlamat dan inisiatif transformasi pengangkutan awam berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN JEFF OOI GHUAN
AUN [JELUTONG]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) secara berdasarkan fakta-fakta sejarah sama ada Ahmad Indera yang dikaitkan dengan tragedi Bukit Kepung itu seorang wira dalam perjuangan kemerdekaan atau seorang komunis dan pengkhianat negara; dan
- (b) sama ada sebuah Jawatankuasa Kabinet akan dibentuk untuk meneliti semula fakta sejarah perjuangan kemerdekaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat persoalan sama ada seorang rakyat Malaysia bernama Mat Indera merupakan seorang pejuang kemerdekaan atau seorang komunis adalah lebih baik diselesaikan oleh

SOALAN NO: 14

para pengkaji dan penganalisa sejarah untuk membuat kesimpulan berdasarkan maklumat-maklumat dan fakta-fakta secara akademik. Kenyataan akhbar daripada YAB Menteri Besar Johor yang menyatakan Mat Indera seorang Komunis melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 8 September 2011 merupakan pendirian Kerajaan Negeri Johor terhadap isu ini.

Kementerian ini berpendapat belum masanya jawatankuasa seumpama ini ditubuhkan kerana semenjak mencapai kemerdekaan, penulisan sejarah oleh para sejarawan tempatan semakin berkonsepkan 'Sudut Pandangan Malaysia'. Namun, menyedari bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki mana-mana fakta yang tidak tepat, maka dialu-alukan para sejarawan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

No. Soalan : 15

PR-1242-T44442

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

YB DAT O' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

[PAYA BESAR]

TARIKH

17 NOVEMBER 2011

SOALAN

YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah tahanan mangsa keldai dadah warganegara Malaysia di luar negara sehingga kini dan berapakah bilangan yang telah berjaya dibawa pulang ke Malaysia serta apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Besar atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah rakyat Malaysia yang telah dipenjarakan di luar negara atas kesalahan dadah sehingga akhir September 2011 adalah seramai 889 orang. Sehingga akhir bulan Ogos 2011, seramai 23 orang rakyat Malaysia yang pernah ditahan atas kesalahan dadah telah selamat pulang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia agar tidak tertipu untuk dijadikan keldai dadah. Ini termasuklah menerusi pengumuman di laman sesawang Kementerian dan hebahan awam melalui media massa serta bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam apa jua program bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang bahaya sindiket yang menjadikan rakyat Malaysia sebagai keldai dadah.

4. Kementerian juga sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dalam bentuk bantuan penyelarasan kepada badan korporat dan badan bukan Kerajaan dalam usaha membawa pulang rakyat Malaysia yang telah selesai menjalani hukuman penjara di luar negara terutamanya yang tidak berkemampuan untuk pulang ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:

16 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]

TARIKH 17 November 2011 (Khamis)

SOALAN

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melibatkan negeri Kelantan dalam projek 'North Malay Basin' yang bernilai RM15 bilion oleh Petronas dan namakan syarikat perkongsian pengeluaran yang terlibat dalam projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terma komersial bagi projek 'North Malay Basin' yang melibatkan PETRONAS dan kontraktor perkongsian pengeluaran (*Production Sharing Contractors-PSC*) sedia ada di kawasan berkenaan masih lagi dalam rundingan serta dijangka dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Soalan No :

PEMBERSTAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT

(SRI AMAN)

TARIKH : 17.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina Institut Latihan Perguruan di Sri Aman dalam RMK-10.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kesemua 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di negara ini termasuklah 4 buah di Sarawak masih lagi berkeupayaan untuk menampung keperluan latihan perguruan semasa dan akan datang yang berdasarkan kepada unjuran keperluan guru. Justeru, buat masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada rancangan untuk membina IPG barn dalam RMKe-10.

Malah dalam RMKe-10 juga, KPM telah menetapkan peralihan kepada 'Sistem Terbuka' dalam latihan guru yang menggariskan bahawa latihan perguruan akan diperluaskan kepada universiti swasta berbanding hanya di IPG dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Langkah ini adalah sebagai meliberalisasikan sistem latihan guru dan pada masa yang sama beralih kepada sistem terbuka bagi menambah guru terlatih daripada pelbagai sumber.

Selain daripada itu, menerusi NKEA Pendidikan, lima (5) projek permulaan atau *Entry Point Project (EPP)* telah dikenalpasti untuk meningkatkan standard pendidikan secara keseluruhan dan seterusnya memberikan hasil yang disasarkan dalam tempoh 10 tahun. Ini termasuklah di bawah inisiatif EPP4 yang memfokuskan kepada memperluaskan latihan guru-guru swasta.

Melalui inisiatif EPP4 ini, KPM mewujudkan kerjasama secara formal bagi *off take* atau menyediakan calon guru agar pengusaha institusi latihan guru swasta dapat memulakan pelaksanaan latihan keguruan yang selama ini hanya dipelopori oleh IPG dan IPTA sahaja. Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa memastikan IPTS yang dikenalpasti sentiasa mematuhi Standard Guru Malaysia, Standard Program Latihan

Perguruan Peringkat Ijazah Pertama (PLPPIP) KPM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* bagi setiap program latihan guru yang dijalankan.

Rjm 85

NO. SOALAN:

18 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH [KOTA BHARU]**

TARIKH 17 November 2011 (Khamis)

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan kenaikan bayaran royalti kepada negeri-negeri yang menghasilkan minyak dan gas.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mempertimbangkan kenaikan bayaran royalti bagi pengeluaran minyak dan gas di luar perairan negeri-negeri berkenaan.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 19

PERTANYAAN DARIPADA TARIKH SOALAN	JAWAB LISAN DATO' SRI Ir MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] 17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS) Dato' Sri Ir Mohd Zin Bin Mohamed [Sepang] minta
--	--

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan langkah yang diambil kemungkinan penularan virus selesema burung (H5N1) di negara ini yang dijangka lebih berbahaya khususnya kepada ternakan ayam selain boleh menyebabkan kematian kepada manusia.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan

Yang Dipertua,

Malaysia telah berjaya menangani penularan penyakit selesema burung yang pernah berlaku di negara ini pada tahun 2007. Pengalaman dan pengetahuan virus selesema burung (H5N1) banyak membantu menjayakan dan memajukan industri penternakan di negara ini. Bagi menangani dan mencegah penularan semula virus selesema burung (H5N1) di Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- i. Mencegah kemasukan penyakit dengan memperketat kawalan sempadan bagi mengelakkan penyeludupan produk yang boleh membawa risiko H5N1;
- ii. Meningkatkan aktiviti pemantauan di kawasan berisiko tinggi bagi tujuan pengesanan awal penyakit ini;
- iii. Meningkatkan kesedaran penternak bagi mencegah kemasukan penyakit melalui peningkatan kawalan bio-sekuriti ladang. Talian kecemasan sentiasa dibuka bagi tujuan orang ramai membuat laporan kematian luar biasa agar tindakan segera dapat dijalankan; dan
- iv. Mengukuhkan kesiapsagaan menangani dan membendung kejadian penyakit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH 17 NOVEMBER 2011

SOALAN 22

TUAN GOBIND SINGH DEO minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah qualifikasi-qualifikasi yang perlu untuk lantikan Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen serta kursus-kursus yang mereka perlu lalui semasa berkhidmat.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Pegawai Undang-Undang yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah pegawai-pegawai yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, sebelum seseorang pegawai itu dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen, beliau hendaklah mempunyai pengalaman luas di dalam bidang perundangan. Oleh yang demikian, hanya pegawai-pegawai yang berada di dalam gred 52 hingga JUSA B akan dilantik menjadi Hakim Sesyen. Sementara jawatan Majistret akan diisi oleh pegawai-pegawai dari gred 41 hingga gred 48.

Antara kursus-kursus yang perlu dihadiri oleh Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen adalah kursus yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) seperti berikut:

- (a) Kursus Sains Forensik dalam Kes-kes Sivil dan Jenayah
- (b) Seminar on DNA profiling
- (c) Course on Crime Scene Evidence
- (d) Kursus Undang-Undang Siber
- (e) Seminar Pindaan Kepada Kanun Tatacara Jenayah
- (f) Seminar Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009
- (g) Kursus Keterangan Kanak-Kanak
- (h) Kursus Harta Intelek
- (i) Kursus Pengedaran dan Penyeludupan Manusia
- (j) Kursus Pascasabitan
- (k) Kursus Praperbicaraan
- (l) Kursus Siasatan Laman Blog dan Forensik Komputer
- (m) Course on Criminal Defence
- (n) Kursus Medico Legal
- (o) Kursus Keterangan Pakar
- (p) Bengkel Penulisan Alasan Penghakiman

(q) Kursus Perakaunan Forensik

(r) Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalanraya

Selain itu, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sendiri turut mengadakan kursus-kursus dalaman dan luaran dengan kerjasama agensi-agensi luar yang perlu disertai oleh pegawai-pegawai kehakiman, antara lainnya seperti berikut:

- (a) Kursus Hakim Mahkamah Sesyen Khas Rasuah
- (b) Conference on Mediation
- (c) Insurance Forum with Malaysian Insurance Institute
- (d) Course on Money Laundering; dan
- (e) Kursus Perbankan Islam dengan Kerjasama Bank Negara Malaysia

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN HAJI MOHD NOR BIN
OTHMAN [HULU TERENGGANU]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah manipulasi dan penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab kepada pengguna-pengguna telefon mudah alih.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menganjurkan seminar atau sesi penerangan kesedaran pengguna di seluruh Malaysia yang merangkumi semua peringkat pengguna seperti pelajar sekolah / universiti, golongan profesional, pusat komuniti dan kelab pengguna.

SOALAN NO: 21

Dengan kerjasama syarikat telekomunikasi, SKMM telah mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menyalahgunakan kemudahan perkhidmatan yang disediakan seperti sekatan perkhidmatan talian telefon dan kod ringkas seperti iklan haram dan kes penipuan sistem pesanan ringkas.

Selain itu, jalinan kerjasama dengan agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Bersama (JKB) ditubuhkan untuk mengendalikan program kesedaran dan promosi secara bersepadu untuk mengatasi masalah ini.

Pada masa yang sama, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengetahui secara menyeluruh dan terperinci perkhidmatan langganan sebarang kandungan mudah alih serta memahami terma dan syarat secara terperinci sebelum membeli atau melanggan.

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

TARIKH: 17 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI**

SUMBER MANUSIA menyatakan

- (a) adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota (quota) untuk membawa pekerja asing ke Malaysia iaitu sebuah majikan boleh membawa dua pekerja asing untuk setiap pekerja tempatan; dan
- (b) demi kepentingan pekerja tempatan, bolehkah Kementerian memastikan bahawa pengambilan pekerja asing mestilah dengan syarat gaji asas bulanan pekerja asing itu di sesuatu sektor tidak kurang daripada gaji minimum pekerja tempatan dan tidak kurang dari tahap kemiskinan.

PR-1243-L45685

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proses pengambilan pekerja asing di Malaysia adalah mengikut kriteria dan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kriteria dan syarat kelayakan ini telah diputuskan oleh Mesyuarat

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) pada 5 Julai 2005 . Keputusan ini dibuat secara bersama oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam proses pengambilan pekerja asing pada masa itu seperti:

- i. Kementerian Dalam Negeri;
- ii. Kementerian Sumber Manusia;
- iii. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- iv. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dan
- v. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kriteria dan syarat kelayakan untuk pengambilan pekerja asing ini dibuat berdasarkan sektor-sektor utama iaitu:

a) Sektor Perkilangan

Bagi sektor perkilangan syarat dan kriteria telah dibahagikan kepada **3 kateori** iaitu:-

- i) Syarikat berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada tiga pekerja asing (1:3);
- ii) Syarikat bukan berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada satu pekerja asing (1:1); dan
- iii) Syarikat dalam sektor elektrik dan elektronik iaitu nisbah

kelayakan ialah dua pekerja tempatan kepada satu pekerja asing adalah (2:1).

2. Selain daripada itu, nilai eksport, peratusan eksport, nilai kandungan tempatan dan nisbah pelaburan modal turut diambilkira dalam penentuan kriteria syarat kelayakan bagi majikan yang memohon.

b) Sektor Perkhidmatan

Terdapat 14 sub sektor di bawah sektor perkhidmatan. Walaubagaimanapun, hanya tiga (3) sahaja yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu:-

i. Restoran

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sub sektor ini adalah berdasarkan bilangan kerusi. Pada masa ini, hanya jawatan tukang masak sahaja yang dibenarkan manakala jawatan pembantu am bagi restoran adalah dibekukan.

ii. Pembersihan/Pencucian

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing untuk sub sektor ini adalah berdasarkan nilai kontrak sebulan.

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan iumlah bilik.

Sub sektor yang masih dibekukan adalah dobi. pengendalian karao. rumah kebaiikan. runcit dan borong. tekstil. tukang emas. tukang qunting dan loqam/barang lusuh/kitar semula.

c) Sektor Pembinaan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis projek pembinaan, tempoh dan nilai projek.

d) Sektor Perladangan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis tanaman, keluasan ladang dan bilangan pekerja sedia ada.

e) Sektor Pertanian

i. Seksyen Tanaman

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis tanaman dan keluasan tanah

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan (ikan) dan keluasan permukaan air atau bilangan benih sebulan.

iii. Seksyen Penternakan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan dan bilangan ternakan. Selain itu, jenis kerja yang dilakukan untuk seksyen ternakan juga diambilkira

ii. Seksyen Perikanan

dalam menentukan kelayakan majikan untuk menggajikan pekerja asing.

Tuan Yang Dipertua,

3. Rasional penetapan kriteria dan syarat kelayakan terutamanya sektor perkilangan iaitu nisbah 2:1 adalah bertujuan melancarkan keperluan industri terhadap gunatenaga memandangkan sektor elektrik dan elektronik adalah salah satu sektor yang berkembang dengan cepat dan pesat dan menjadi penggerak kepada kadar pertumbuhan ekonomi Negara dalam menjadi Negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun penetapan kriteria seumpama ini ditetapkan, Kerajaan tidak sekali-kali akan menafikan hak rakyat tempatan dan sentiasa melindungi hak mereka dengan memberikan keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan sebelum peluang ini diberikan kepada pekerja asing.

4. Disamping itu juga, bagi memastikan majikan yang menggajikan pekerja asing tidak terus menawarkan kadar upah yang rendah, Kementerian Sumber Manusia turut menitikberatkan kadar gaji pokok yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja. Oleh itu, salah satu kriteria yang diambilkira oleh Kementerian dalam menyokong permohonan majikan untuk menggajikan pekerja asing adalah jumlah gaji pokok yang ditawarkan. Sekiranya gaji pokok yang ditawarkan kepada pekerja adalah rendah maka majikan diminta untuk menyamak dan menyelaraskan gaji pokok pekerja terutama bagi kategori pekerjaan operator atau pekerja am sebelum sokongan diberikan kepada majikan. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat pekerja

tempatan untuk terus bekerja di dalam sektor ini terutamanya sektor perkilangan.

m(3 Okt. -1 (Dis.II)fus...20.9.11/IsrtmiCL45685

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]
TARIKH 17 NOVEMBER 2011
SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci peruntukan pembangunan yang telah di peruntukkan bagi kawasan Parlimen Labuan dari tahun 2008 - 2010 serta perancangan pembangunan untuk Parlimen Labuan bagi tahun 2011 yang telah diluluskan peruntukan menerusi kesemua Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,
Berdasarkan maklumat Sistem Pemantauan Projek II (SPPII), peruntukan bagi projek pembangunan di kawasan Parlimen Labuan dari tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN TAHUNAN
2008	298,596,071.57
2009	351,434,439.13
2010	468,240,217.97

Berdasarkan kelulusan projek di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), terdapat 51 projek dengan siling berjumlah RM303.64 juta dimulakan pelaksanaan pada tahun 2011. Senarai terperinci projek adalah seperti di Lampiran I.

SENARAI PROJEK RMKeIO BAGI PARLIMEN LABUAN

BIL	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
1	Jabatan Perdana Menteri	PEMBINAAN MASJID DURIAN TUNJUNG LABUAN
2	Kementerian Belia & Sukan	GELANGGANG FUTSAL 1 MALAYSIA - LABUAN
3	Kementerian Belia & Sukan	MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA KOMPLEKS SUKAN LABUAN
4	Kementerian Dalam Negeri	PONDOK POLIS LUBUK TEMIANG, LABUAN
5	Kementerian Dalam Negeri	PONDOK POLIS BEBULUH, LABUAN
6	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	PROGRAM BANTUAN RUMAH W.P LABUAN
7	Kementerian Kerja Raya	KUARTERS JABATAN KERJA RAYA PERSEKUTUAN, LABUAN
8	Kementerian Kerja Raya	JALAN DARI POHON BATU (SIMPANG TAMU) KE PANCUR HITAM
9	Kementerian Kerja Raya	NAIK TARAF JALAN RANCHA-RANCHA LAMA WP LABUAN (REKABENTUK DAN PENGAMBILAN BALIK TANAH)
10	Kementerian Kerja Raya	MEMPERELOKKAN JALAN KM 11 -15 JALAN BEBULUH
11	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, SUNGAI KELING, LABUAN
12	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, TANJUNG ARU, LABUAN
13	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, LUBUK TEMIANG, LABUAN
14	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, MANIKAR, LABUAN
15	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, LAYANG- LAYANGAN, LABUAN
16	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, SUNGAI LADA, LABUAN
17	Kementerian Kesihatan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, RANCHA-RANCHA, LABUAN
18	Kementerian Kesihatan	NAIKTARAF PERKHIDMATAN HAEMODIALISIS HOSPITAL LABUAN
19	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN TANDAS BARU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAJAU DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
20	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BARU PEJABATGURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAJAU DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
21	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BARU PEJABATGURU SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KALAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
22	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BARU TANDAS DI SEKOLAH KEBANGSAAN LUBOK TEMIANG DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
23	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BARU TANDAS DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LABUAN DI DAERAH LABUAN, W.P LABUAN

LAMPIRAN I

BIL	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
24	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BARU TANDAS DI SEKOLAH KEBANGSAAN MEMBEDAI DI DAERAH LABUAN, W.P LABUAN
25	Kementerian Pelajaran	CADANGAN PEMBINAAN BENGKEL MATAPELAJARAN VOKASIONAL DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUTIARA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
26	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI BAWAH SUB NKRA PRASEKOLAH SEKOLAH TANJUNG ARU, LABUAN
27	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI BAWAH SUB NKRA PRASEKOLAH SEKOLAH KEBANGSAAN PEKAN DUA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
28	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI BAWAH SUB NKRA PRASEKOLAH SEKOLAH KEBANGSAAN LAYANG-LAYANGAN LABUAN
29	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN SEBUAH GELANGGANG SERBAGUNA TERBUKA BERBUMBUNG SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUTIARA LABUAN
30	Kementerian Pelajaran	PEJABAT PSPN WP LABUAN
31	Kementerian Pelajaran	PEROLEHAN PERALATAN ICT DAN PERISIAN MAKMAL BAHASA UNTUK PROGRAM MBMMBI WP LABUAN
32	Kementerian Pelajaran	NAIK TARAF LOCAL AREA NETWORK (LAN) SEKOLAH NEGERI WP LABUAN
33	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BLOK TAMBAHAN 6 BILIK DARJAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN KERUPANG DI LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN
34	Kementerian Pelajaran	PEMBINAAN BANGUNAN 6 BILIK DARJAH DAN LAIN- LAIN KEMUDAHAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LABUAN
35	Kementerian Pelancongan	EKOPELANCONGAN KINA BENUA, LABUAN
36	Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan	NAIKTARAF MUZIUM LABUAN
37	Kementerian Pengangkutan	PEMBAIKAN/ MENAIKTARAF JETI-JETI PENUMPANG DAN GUNASAMA UNTUK KESELAMATAN WP LABUAN - JETI FERI KENDERAAN
38	Kementerian Pengangkutan	PENINGKATAN LAPANGAN TERBANG LABUAN
39	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	PEMBAIKAN LOJI THERMAL OXIDATION PLANT (TOP) LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
40	Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar	RTB WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
41	Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar	RANCANGAN TEBATAN BANJIR LABUAN
42	Kementerian Sumber Manusia	NAIKTARAF INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) LABUAN
43	Kementerian Sumber Manusia	PEROLEHAN PERALATAN LATIHAN BAGI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN LABUAN
44	Kementerian Sumber Manusia	MENAIKTARAF DAN MENYENGGARA PERALATAN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) LABUAN
45	Kementerian Tenaga, Teknologi Hiaiu & Air	MENINGKATKAN KEMUDAHAN EMPANGAN DAN LOJI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

BIL	KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
46	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	PEMBINAAN LOJI AIR BEAUFORT FASA II DAN PEMASANGAN PAIP DASAR LAUT DARI LOJI KE LABUAN
47	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	PEMBINAAN KUARTERS PEKERJA LOJI AIR DAN RUMAH PAM
48	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	PROGRAM MENGURANGAN KADAR KEHILANGAN AIR TIDAK BERHASIL LABUAN
49	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air	PEMBINAAN PEJABAT BARU JABATAN BEKALAN AIR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
50	Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar	PEMBINAAN PASAR BARU LABUAN
51	Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar	MEMBINA STESYENTEKSI DAN BAS

PERTANYAAN : LISAN

DARSPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BINAB KADIR
[KETEREH]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2011

SOALAN:

TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berumur 18-20 tahun sehingga Ogos 2011. Apakah aiasan Kerajaan tidak membenarkan golongan muda berumur 18-20 tahun mendaftar sebagai pengundi. Apakah Sangkah Kerajaan dalam usaha menambah penglibatan golongan muda dalam proses demokrasi.

Periembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kelayakan

bagi seseorang warganegara Malaysia untuk didaftarkan sebagai pemilih adalah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan, bermastautin di mana-mana Bahagian Pilihan Raya di Malaysia (jika tidak ia dikira sebagai pengundi tidak hadir); dan tidak hilang kelayakan untuk menjadi seorang pemilih. Oleh itu, golongan muda yang berumur antara 18 hingga 20 tahun ini masih belum boleh mendaftar sebagai pemilih kerana belum mencapai umur kelayakan iaitu 21 tahun.

Dalam usaha menarik penglibatan golongan muda dalam proses demokrasi, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah mengadakan sesi pendidikan pengundi di institusi-institusi pengajian tinggi, institut-institut kemahiran dan institut-institut latihan, melalui pengisian program ceramah/taklimat kepada golongan belia yang melibatkan semua lapisan kaum di Malaysia. Untuk sepanjang tahun 2010, jumlah ceramah/taklimat berkaitan pengurusan sistem pilihan raya dan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia yang telah dilaksanakan oleh pihak Akademi Pilihan Raya, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia di seluruh negara adalah sebanyak 14

NO. SOALAN: ^.

ceramah/taklimat manakala sebanyak 9 ceramah/taklimat pula telah dilaksanakan dalam tahun 2011 (sehingga bulan Jun 2011).

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN

TARIKH

LISAN
17 NOVEMBER 2011 [KHAMIS]

DARIPADA

YB TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI
JUSOH [DUNGUN]

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah asas-asas pemilihan bakal-bakal haji ke Makkah dan berapakah jumlah syarikat-syarikat swasta yang menguruskan bakal-bakal haji sepanjang tahun.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardu haji setiap tahun adalah berdasarkan proses pendaftaran bakal haji mengikut tarikh dan masa daftar haji mereka. Dalam ertikata lain, mereka yang mendaftar dahulu

akan didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan. Dengan itu tiada soal pilih kasih atau melangkau giliran.

Mengenai jumlah syarikat-syarikat swasta yang menguruskan bakal-bakal haji pada tahun ini berjumlah 27 buah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 26

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2011

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah mengenai award tanah Lot 1165, Seksyen 69, Jalan Merlimau, Kuala Lumpur berikutan aduan yang dibuat oleh Penjaja-penjaja Pasar Jalan Merlimau pada 12 September 2011 yang mendakwa terdapat favoritisme (pilih kasih) dan di luar peraturan dalam penjualan tanah bila pembida yang berjaya membayar harga pembelian RM30 juta kurang daripada pembida lain

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, berhubung siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mengenai award tanah Lot 1165, Seksyen 69, Jalan Merlimau, Kuala Lumpur, isu ini masih dalam siasatan SPRM. Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

JTAHUAN PERTANYAAN DEWAM RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ONG KA CHUAN 17

TARIKH

NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Orsg Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI

PENGAJIAN TINGGI menyatakan:

- (a) punca yang menyebabkan sebilangan besar peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak membuat bayaran balik pinjaman mereka; dan
- (b) adakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mendapat bayaran balik contohnya seperti menyenarai hitam dokumen perjalanan akan menyulitkan lagi keadaan terutama sekali kepada golongan yang baru *graduate* dan belum mendapat pekerjaan tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Antara punca yang dikenalpasti yang menyebabkan sebilangan besar peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak membuat bayaran balik pinjaman mereka ialah:

- i. Peminjam masih meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi;
 - ii. Peminjam masih menganggur (belum memperoleh pekerjaan);
 - iii. Peminjam telah bekerja tetapi memperolehi pendapatan kecil yang tidak setimpal dengan kelulusan; dan
 - iv. Sikap peminjam sendiri yang tidak mahu untuk membuat bayaran balik. Perkara ini dibuktikan apabila sebahagian peminjam yang sebenarnya telah bekerja dan memperoleh pendapatan yang baik hanya mula datang berunding untuk memulakan bayaran balik selepas tindakan penguatkuasaan diambil seperti senarai hitam Imigresen.
- b) Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel di dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam atau *Blacklist* dengan izin. Tindakan menyenarai hitam adalah sebagai langkah terakhir dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan agar membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua peminjam PTPTN adalah tertakluk kepada perjanjian pinjaman yang telah diterima dan dipersetujui, yang menyatakan dengan terperinci terma- terma serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peminjam. Antaranya, peminjam diberikan kelonggaran untuk memulakan bayaran balik selepas enam bulan (6) daripada tarikh tamat

pengajian/ pengeiuaran pinjaman. Notis tuntutan dengan jadual bayaran baik akan dihantar kepada peminjam setelah tamat tempoh enam bulan (6) bulan bagi memaklumkan tanggungjawab mereka untuk memulakan bayaran balik.

Sekiranya dalam tempoh 60 hari selepas notis tuntutan di atas, PTPTN masih tidak menerima bayaran balik atau sebarang maklum balas, notis peringatan pertama akan dikeluarkan. Sekiranya pada 60 hari berikutnya peminjam masih ingkar, maka notis peringatan kedua pula akan dikeluarkan. Notis peringatan terakhir dikeluarkan melalui panel peguam yang dilantik jika selepas tiga bulan peminjam didapati masih ingkar. Sekiranya peminjam masih lagi mengabaikan tanggungjawab mereka selepas menerima notis peringatan terakhir ini, langkah seterusnya ialah dengan menghantar '*Letter of Demand*', dengan izin yang juga dikendalikan oleh panel peguam bagi memberi peluang terakhir kepada peminjam melunaskan kesemua jumlah ansuran bulanan yang tertunggak.

Peminjam yang bertanggungjawab sepatutnya menampilkan diri atau berhubung dengan pihak PTPTN selepas menerima notis-notis peringatan di atas (empat notis peringatan kesemuanya). Pada peringkat ini peminjam masih boleh berunding bagi menyelesaikan jumlah pinjaman yang tertunggak. Kegagalan mereka memberi maklum balas pada peringkat ini, menyebabkan nama mereka dihantar ke Jabatan Imigresen untuk disenarai hitam. Selanjutnya, sekiranya masih ingkar, PTPTN akan meneruskan tindakan undang-undang dengan memfailkan saman ke mahkamah untuk mendapatkan penghakiman sekaligus

menuntut kesemua baki pinjaman.

Namun demikian, PTPTN masih mengambil pendekatan yang berlembut (*soft approach*) dan mesra pelanggan. Peminjam yang terlibat masih boleh merundingkan pendahuluan bayaran balik yang boleh dibayar dan komitmen bayaran ansuran bulanan seterusnya bagi pelepasan daripada senarai hitam. Langkah yang telah dinyatakan memperlihatkan bahawa tindakan larangan keluar negara yang diambil oleh PTPTN bukanlah tindakan yang dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam. PTPTN yakin peminjam berkenaan tidak akan menampilkan diri sekiranya tidak berdepan dengan tindakan larangan keluar negara yang diambil oleh PTPTN. Dari maklum balas yang dikumpul menunjukkan bahawa sikap tidak mahu membayar balik pinjaman merupakan antara punca utama dan bukannya ketidakmampuan pendapatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA 17

TARIKH

NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI

PENGAJIAN TINGGI menyatakan:

- (a) apakah sebenarnya sistem ujrah yang dicadangkan bagi PTPTN dan adakah ia masih berdasarkan baki semasa; dan
- (b) adakah semua peminjam akan ditawarkan sistem ini secara automatik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah Ujrah atau upah 1% setahun atas kadar rata berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008 adalah merupakan kaedah pembiayaan yang berlandaskan prinsip syariah. Pelaksanaan kaedah baru ini adalah bagi menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun.

Pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah Ujrah ini dilaksanakan kepada semua peminjam PTPTN sedia ada dan peminjam baru tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Semua kelulusan pembiayaan bagi permohonan baru mulai Disember 2008 adalah berdasarkan kaedah ini manakala bagi peminjam sedia ada telah mula dibuat tawaran pertukaran mulai Oktober 2010. Semua peminjam yang telah membuat permohonan pertukaran kepada pembiayaan Ujrah akan diberikan tawaran berdasarkan baki pinjaman pada 1 Jun 2008. Tempoh bayaran balik adalah berdasarkan kepada baki ini dan ansuran mengikut perjanjian pembiayaan Ujrah bermula pada Jun 2008.

- (b) Semua peminjam sedia ada yang telah diluluskan pinjaman sebelum Disember 2008 layak untuk ditawarkan pertukaran pembiayaan Ujrah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Peminjam-peminjam di dalam kategori berikut tidak layak untuk ditawarkan pertukaran ini:
- i. Peminjam yang telah dikenakan tindakan undang-undang dan saman;
 - ii. Peminjam yang telah melanggar perjanjian terdahulu seperti batal pinjaman/gagal pengajian/berhenti pengajian atau mendapat penaja lain;
 - iii. Peminjam yang telah menyelesaikan keseluruhan

SOALAN

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) penjelasan terperinci mengenai manfaat yang telah, sedang dan bakal dinikmati oleh Masyarakat India di negara ini berkaitan dengan Pelan Transformasi Ekonomi di bawah konsep 1 Malaysia; dan

(b) adakah pihak Kerajaan meyakini bahawa usaha-usaha secukupnya telah dibuat bagi menambah baik prasarana ekonomi kaum India.

Jawapan (a)

Tuan Yang di Pertua,

Program ETP yang dilancarkan oleh YAB PM adalah inisiatif yang melibatkan semua bangsa dan golongan masyarakat di negara ini. Penglibatan kaum India di bawah NKEA Pemborongan dan Peruncitan merangkum 2 EPP.

EPP Virtual Mall contohnya adalah projek yang diterajui oleh syarikat Doorstep.com, 100% dimiliki oleh usahawan berbangsa India. Di bawah konsep 1 Malaysia, Doorstep memainkan peranan dalam menyediakan perkhidmatan pembelian dan penghantaran produk-produk KR1M kepada konsumer yang membuat pembelian secara atas talian.

Bagi EPP Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), program tersebut telah

berjaya memodenkan 30 kedai runcit daripada usahawan berbangsa India, iaitu hampir 10% daripada jumlah 315 kedai secara keseluruhannya.

Jawapan (b)

Dalam usaha menambah penglibatan kaum India untuk meneraju dan menikmati kemudahan pinjaman mudah yang disediakan di bawah program ETP, Koperasi Suria telah ditubuhkan pada 13 Oktober 2011. Adalah disasarkan sebanyak 100 kedai runcit dan sekurang-kurangnya 8 bengkel akan dimodenkan di bawah program TUKAR dan ATOM masing-masing menjelang Disember 2011. Langkah ini akan melipat gandakan penglibatan kaum India dalam program 2 ETP dalam konteks yang lebih luas.

Wo-
SoAlAnJ :
~~NO. AUM~~
NO.AW-t

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

DARIPADA 17 NOVEMBER 2011

4195

TARIKH

**RUJUKAN
LISAN**

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah fungsi pasukan
Ikatan Sukarelawan (RELA) dalam membantu pihak berkuasa
menjalankan tugas. Ini kerana banyak laporan fungsi pasukan ini

kurang berkesan dan banyak menimbulkan masalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, fungsi pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dalam membantu pihak berkuasa menjalankan tugas seperti :-

- i. Membantu PDRM mengurangkan kadar jenayah jalanan di 50 hotspots di empat (4) buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.
- ii. Membantu pihak KPDNKK dalam mencegah kegiatan penyeludupan minyak diesel dan petrol di sempadan negara.
- iii. Membantu Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) membanteras penyeludupan di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan negara.
- iv. Menjaga dan mengawal lapangan terbang (STOL PORT) di Sabah dan Sarawak.
- v. Menjaga dan mengawal rumah perlindungan Anti Pemerdagangan Orang di Tanjong Kling, Melaka.
- vi. Membuat kawalan keselamatan Depot Tahanan Imigresen.

Penglibatan anggota RELA dalam membantu pihak berkuasa telah banyak membatu seperti contoh anggota PVR RELA yang bertugas di 50 hotspots telah menyumbang kepada berkurangnya peratusan jenayah jalanan manakala anggota yang bertugas di stesen-stesen minyak di negeri Kelantan telah berjaya mengurangkan

penyeludupan dan pembelian minyak bersubsidi oleh warga asing. Ini terbukti apabila khidmat anggota RELA dengan agensi-agensi tersebut akan dipanjangkan ke negeri-negeri lain pula dalam sedikit masa lagi.

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini juga, anggota RELA yang menjalankan tugas membantu pasukan penguatkuasaan lain telah diberi latihan di Pusat-Pusat Latihan RELA Wilayah yang ada sebelum mereka dihantar untuk melaksanakan tugas bersama jabatan tersebut. Dalam masa yang sama, anggota-anggota tersebut tertakluk dengan SOP atau arahan tetap yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan bagi memastikan tugas dibuat dengan berkesan dan mengikut prosedur jabatan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Bung Mokhtar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tentang tindakan segelintir pihak yang cuba untuk memutar belitkan

fakta sejarah tanah air.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat tindakan segelintir pihak yang cuba untuk memutarbelitkan fakta sejarah tanah air adalah bersifat kepentingan politik. Anasir seperti ini tidak boleh dibiarkan berlaku dan mesti dihentikan serta ditangani dengan segera.

Sebarang perkara yang melibatkan sejarah negara perlulah dibincangkan dengan melibatkan para ilmuwan dalam bidang sejarah yang telah membuat kajian yang mendalam dan lebih memahami fakta-fakta sejarah berdasarkan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam negara. Tanpa kehadiran pakar-pakar sejarah ini, sesuatu fakta itu boleh disalah tafsir atau diputar belit oleh segelintir pihak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

Pada tahun 2010, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan bantuan kepada ketiga-tiga kawasan parlimen iaitu Parlimen Miri, Sibuti dan Baram, Sarawak yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5,119,420.00 dengan jumlah penerima bantuan seramai 2,252 orang. Daripada jumlah ini, sejumlah RM1,990,020.00 telah disalurkan ke kawasan Parlimen Miri bagi seramai 879 orang penerima. Manakala Parlimen Sibuti peruntukan sejumlah RM653,620.00 telah disalurkan kepada seramai 221 orang penerima dan bagi Parlimen Baram pula peruntukan sebanyak RM2,475,780.00 sebulan telah diberikan kepada seramai 1,152 orang penerima bantuan.

Skim bantuan yang disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terbahagi kepada dua, iaitu Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Negeri. Kadar bagi Skim Bantuan Persekutuan di seluruh negara adalah seragam manakala kadar Skim Bantuan Negeri berbeza mengikut negeri. Ini adalah kerana penetapan kadar dibuat oleh kerajaan negeri masing-masing. Kadar bagi Skim Bantuan Am negeri Sarawak adalah RM90.00 hingga RM335.00 sebulan. Sehubungan itu, mereka yang menerima bantuan sebanyak RM90.00 sebulan adalah tergolong dalam senarai penerima Bantuan Am Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH

17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan

SOALAN NO: 33

apakah langkah-langkah pihak Kementerian dalam usaha mengekalkan bangunan-bangunan warisan dan mempromosi tempat-tempat tersebut sebagai tumpuan pelancong serta berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan dalam usaha ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambil langkah-langkah bagi mengekalkan bangunan warisan seperti mewartakannya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005; menjalankan penyelidikan dan pendokumentasian; mengadakan program kesedaran dan lain-lain. Di samping itu, kursus dan latihan konservasi juga dijalankan dari semasa ke semasa kepada kontraktor serta pegawai atau kakitangan agensi Kerajaan yang terlibat bagi

SOALAN NO: 33

memastikan kerja-kerja konservasi mematuhi piawaian peringkat antarabangsa yang mana ia akan dapat memastikan teknik yang digunakan tidak merosakkan bangunan warisan.

Bagi tujuan promosi, pelbagai cara dijalankan antaranya termasuk mengadakan program dan aktiviti dari semasa ke semasa seperti yang dijalankan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, menyediakan dan menyebarkan brosur yang mengandungi bangunan warisan yang telah dipulihara seperti Rumah Penghulu Mat Natardan lain-lain.

Sejak penubuhan Jabatan Warisan Negara (JWN) pada 2006, perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dianggarkan melebihi RM70 juta.

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

TARIKH 17 NOVEMBER 2011

SOALAN

DR. TAN SENG GIAW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana beliau dapat memastikan kebebasan *Judiciary* di Negara ini. Berapakah hakim semua peringkat dan pesuruhjaya kehakiman serta kriteria yang digunakan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

JAWAPAN **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan sentiasa memastikan kebebasan *judiciary* di Malaysia dengan mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan dengan jelas bahawa kuasa Eksekutif dan kuasa Kehakiman adalah berasingan.

Justeru itu, Kerajaan tidak pernah campur tangan dalam proses perundangan dan meminta agar pihak lain turut mengambil langkah yang sama dengan tidak mempersoalkan keputusan mahupun campur tangan ketika proses perundangan sedang dijalankan. Pertanyaan ini seharusnya diajukan kepada pihak yang gemar mengganggu proses perbicaraan selain mempersoalkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan kehakiman.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, jumlah Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman di semua peringkat Mahkamah adalah seramai 129 orang. Jumlah pecahan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman mengikut peringkat Mahkamah adalah seperti di Lampiran A.

Kriteria pemilihan seseorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman adalah berdasarkan kepada kriteria yang diperuntukkan di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] seperti yang berikut:

- (i) Integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (ii) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (iii) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya

- dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (iv) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
 - (v) kesihatan fizikal dan mental.
 - (vi) seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.

Seterusnya, pemilihan seseorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman akan dibuat secara undi sulit dan nama yang memperoleh undi tertinggi akan dikemukakan oleh YAA Ketua Hakim Negara kepada YAB Perdana Menteri sebagai calon untuk dipertimbangkan ke jawatan hakim mahkamah atasan di semua peringkat.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A

BILANGAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN (KEDUDUKAN SETAKAT 22

BIL.		BILANGAN HAKIM
1	HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN	11
2	HAKIM MAHKAMAH RAYUAN	24
3	HAKIM MAHKAMAH TINGGI	62
4	PESURUHJAYA KEHAKIMAN MAHKAMAH TINGGI	32
	JUMLAH	129

SEPTEMBER 2011

(iii) . Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA).

Pemberian BIW adalah mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 berdasarkan iingkungan gaji seseorang pegawai. Oleh yang demikian, PPP sama ada dari Semenanjung, Sabah atau Sarawak yang bertukar wilayah menerima jjumlah BIW yang sama berdasarkan peratusan jumlah gaji yang diterima.

Manakala pemberian EPW pula adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 dan penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletaknya pejabat pegawai. Kawasan bandar hendaklah berpandukan kepada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan pihak berkuasa tempatan berkenaan. Kadar ini adalah berbeza di antara satu bandar dengan bandar yang lain dan terpakai kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk PPP. Oleh yang demikian, perbezaan kadar imbuhan bagi PPP Semenanjung dan PPP Sabah yang bertukar wilayah adalah disebabkan perbezaan kadar EPW yang berasaskan kepada nilai purata kadar sewa rumah berdasarkan lokasi seperti mana yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA), kemudahan ini boleh dituntut oleh PPP mengikut tuntutan sebenar perjalanan berdasarkan kelayakan dan gred masing-masing seperti mana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2003.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
TARIKH : 17 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)
SOALAN :

Tuan Ilohd Yusmadi bim Siohd Yusoff [BaSik Pulau 3 minfa PERDAN1A H1ENTER! menyatakan KPI! Peguam Negara Malaysia dan **apakah pandangan Kerajaan mengenai mewujudkan Peguam Negara Syarie untuk kes-kes syariah.**

JAWAPAN : YB DATO' SBRfi MOHAMED NAZIRS BSM ABDUL AZBZ
MENTERB Bfi JABATAN PERPANA MEMTERB

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanvaan mengenai KPI Peguam Negara

Untuk makluman, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Peguam Negara Malaysia mengandungi tiga (3) **kelompok** utama **iaitu:**

- (a) Tanggung Jawab Seluruh Perkhidmatan Awam;
- (b) Agensi Secara **Spesifik** ; dan
- (c) Keberkesanan Peribadi.

Bagi **Kelompok “Tanggung Jawab Seluruh Perkhidmatan Awam”**, kriteria pengukuran pencapaian KPI Peguam Negara ialah -

- i) Kadar **Pertumbuhan** Keluaram Dalam Negara Kasar (KDWK); dan
- ii) **Indeks** Daya Saing Negara.

Bagi **Kelompok “Agensi Secara Spesifik”**, kriteria pengukuran pencapaian KPI Peguam Negara ialah -

- i) **Petunjuk Prestasi Utama Strategik: Kualiti** Perkhidmatan Teras Jabatan Peguam Negara;
- ii) Pematuhan **Piagam** Pelanggan;
- iii) Pencapaian Pelaksanaan HRMIS;
- iv) Pelaksanaan MBJ;
- v) Penetapan Indeks Akauntabiliti; dan
- vi) Penetapan *Star Rating*.

Bagi **Kelompok “Keberkesanan Peribadi Kepimpinan Transformasi Perkhidmatan Awam”** pula, kriteria pengukuran pencapaian KPI **Peguam** Negara ialah -

- i) Kualiti **Khidmat Rundingan**;
- ii) Penilaian Kompetensi Kepimpinan; dan
- iii) Persekitaran **Berprestasi: Indeks Kepuasan Hati Warga** Organisasi.

Pecahan terperinci untuk Petunjuk Prestasi Utama Strategik bags Kelompok “Agensi Secara Spesifik” bagi dua **komponen** utama (iaitu Kualiti Perkhidmatan Teras Jabatan Peguam Negara dan Pematuhan Piagam Pelanggan) adalah seperti yang berikut:

1.1 **Petunjuk Prestasi Utama Strategik: Kualiti Perkhidmatan feras** Jabatan Peguam Negara mengamdungi tiga perkhidmatan teras-

- (a) **Pemadkwaam Dan Litigasi Sivil Yang Adil Dan Cepat;**
 - (i) **bilangan** kes jenayah yang **dikendalikan** oleh **Timbalan** Pendakwa Raya yang berjaya **diselesaikan** dengan sabitan di mahkamah beirkaitan;
 - (ii) bilangan kes sivii **termasuk** kes di semua peringkat mahkamah yang diselesaikan serta berjaya mengurangkan **liabiliti** Kerajaan;
 - (iii) **penyelesaian** kes rayuan jenayah di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan;
- (b) **Wasihat Undang-Undang Yang Tepat, Komprehensif Dan Mengikut Masa Yang Ditetapkan;**
 - (i) **nasihat** undang-undang mengenai **isu-isu** antarabangsa yang berasaskan kepada, dan rmengambil kira obligasi Malaysia di bawah instrumen serta undang-undang antarabangsa yang memenuhi kehendak **pelanggan;**
 - (ii) nasihat Undang-undang yang memenuhi kehendak **pelanggan;**
 - (iii) pendapat Peguam Negara yang dipersetujui oleh lembaga Pengampunam;
- (c) **Penggubalan Undang-Undang Yang Tepat, Relevan Dan Terkini;**
 - (i) penggubalan Rang Undang-Undang yang memenuhi kehendak pelanggan; dan
 - (ii) **semakan** dan **cetakan** semula undang-undang yang **memenuhi kehendak** pelanggan.

1.2 Pematuhan **Piagam** Pelanggan;

- (a) **Mengkaji Kertas Siasatan** dalam ternpoh 14 **hari** dari tarikh **diterima;**

- (b) **Mengambil** arahan dan **mengendalikan** sesuatu tindakan **guaman** bagi pihak atau **terhadap** Kerajaan **Malaysia** dengan memastikan tindakan **awalan** dilaksanakan dalam tempoh tidak **melebihi** 10 minggu **dari** tarikh arahan diterima;
- (c) Perundangan utama **disiapkan** dalam masa 40 hari **bekerja** selepas **semua** isu perundangan dan dasar diselesaikan. Draf muktamad perundangan utama yang dikemukakan kepada pelanggan **bebas** daripada kesilapan penggubalan;
- (d) **Menyiapkan** draf semakan dan cetakan **semula** undang-undang dalam tempoh-
 - (i) 4 bulan dari tarikh arahan diterima bagi suatu Akta yang **mengandungi sehingga** 50 muka surat;
 - (ii) 6 bulan dari tarikh arahan diterima bagi perundangan yang mengandungi lebih daripada 50 **muka surat**.
- (e) **Memberi** nasihat undang-undang berkualiti dalam tempoh 14 hari **bekerja** dari tarikh penerimaan **dokumen** dan **maklumat** yang lengkap; dan
- (f) **Menyemak** dan menggubal instrumen dan dokumen antarabangsa seperti perjanjian, memorandum **persefahaman**, deklarasi dan *joint communique* dalam tempoh 14 hari **bekerja** dan bagi **Pertanvaan** mengenai pewujudan Peguam Negara Syarie

Selanjutnya berkenaan isu tentang **cadangan** pewujudan Peguam Negara Syarie untuk kes-kes **syariah**, dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan Peguam Negara Syarie untuk kes Syariah di peringkat Persekutuan. Kerajaan **berpandangan** bahawa selain tiada peruntukan mengenai **pelantikan** Peguam Negara Syarie di bawah Perlembagaan Persekutuan, fungsi Peguam Negara yang sedia ada di bawah **Perkara** 145 Perlembagaan Persekutuan

tempoh 1 bulan.

adalah **mencukupi** untuk menasihati Kerajaan dalam apa-apa perkara undang-undang termasuk yang melibatkan undang-undang Syariah.

Menuruf Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai **kewajipan** untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau **mana-mana** Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang **bersifat** undang-undang, yang dari semasa ke semasa **dirujuk** atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah **Menteri**, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Dalam hal ini, perkataan “undang-undang” telah **ditafsirkan** di bawah Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan sebagai termasuk undang-undang bertulis, *common law* setakat yang **berkuat** kuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai **kuat** kuasa undang-undang di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Selain memberikan nasihat kepada Kerajaan, Peguam Negara juga mempunyai kuasa budi bicara **di** bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan, menjalankan atau **memberhentikan** apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding **di** hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah **tentera**.

Bagi pemfakwaan di mahkamah Syariah, kuasa untuk memulakan, menjalankan atau **memberhentikan** apa-apa prosiding bagi **sesuatu** kesalahan jenayah Syariah adalah

Pertuan **Agong** bagi Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak atau Sultan atau Raja selaku Ketua agama Islam bagi Negeri

yang berkenaan. Ini jelas **diperuntukkan** di bawah Akta atau **Enakmen** Pentadbiran Agama Islam Negeri dan selaras dengan **butiran 1**, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri sebagai Pihak Berkuasa Agama Negeri mempunyai bidang kuasa untuk **menubuhkan** mahkamah Syariahnya **sendiri termasuklah melantik** Ketua **Pendakwa** Syarie, Hakim Syarie dan pegawai mahkamah Syariah yang lain. **Urusan** pendakwaan bagi kes-kes mahkamah Syariah pula adalah terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pendakwa Syarie bagi Negeri yang berkenaan.

Oleh itu, cadangan **tentang pewujudan** jawatan Peguam Negara Syarie di peringkat Persekutuan untuk mengendalikan pendakwaan bagi kes-kes Syariah **di** mahkamah Syariah adalah **beroanggah** dengan Butiran 1 Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri tersebut

Sekian. **Terima** kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

iJOSoALAW • ^

NO: AUM: 3G

NO. AUP:

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
TARIKH 17 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4197

SOALAN:

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa pihak beliau dan PDRM telah menangani perhimpunan aman Bersih 2.0 sebegitu buruk sekali meskipun YAB Perdana Menteri pada tahap awal lagi, menunjukkan komitmen untuk menunaikan agenda reformasi dan penambahbaikan sistem pilihan raya Bersih 2.0.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan aman Bersih 2.0 pada 9 Julai lalu, Kementerian Dalam Negeri khasnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil serius berkenaan perancangan untuk menganjurkan perhimpunan tersebut. Perhimpunan Bersih 2.0 dirancang diadakan bertujuan untuk membuat reformasi pilihanraya dan pihak BERSIH telah menyeru orang ramai dan parti-parti politik supaya turut hadir dalam perarakan Bersih pada 9 Julai 2011 yang lalu. Pihak BERSIH mendakwa lebih 100 ribu orang akan hadir pada perhimpunan tersebut. Mereka juga mendakwa perhimpunan ini akan dibuat dalam keadaan aman.

Kementerian ingin menekankan bahawa, pihak polis telah menerima lebih daripada 1500 laporan polis yang telah dibuat oleh orang perseorangan, NGO, pertubuhan politik dan individu lain di seluruh negara yang melahirkan rasa kebimbangan terhadap perhimpunan yang akan dibuat oleh BERSIH tersebut. Mereka menggesa supaya pihak polis mengambil tindakan agar perhimpunan ini tidak diadakan demi keselamatan dan ketenteraman negara.

Sehingga 29 Jun 2011 sebanyak 109 kertas siasatan polis telah dibuka bagi kesalahan perhimpunan tanpa permit, yang diadakan bagi menyeru

orang ramai supaya hadir ke perhimpunan Bersih 2.0 dan kes-kes mengedar risalah-risalah yang menghasut serta memiliki bahan-bahan bagi tujuan perhimpunan Bersih.

Berdasarkan fakta-fakta tersebut dan mengambil kira kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur, kepentingan peniaga-peniaga, pemandu-pemandu teksi serta industri pelancongan, pihak polis berpandangan perhimpunan tersebut akan menjadi luar kawalan dan membawa kepada keadaan huru-hara, menjejaskan ketenteraman awam serta mengancam keselamatan negara.

Polis DiRaja Malaysia sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama dinegara ini telah diberi amanah dibawah Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara Malaysia. Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan Pemangku Ketua Polis Kuala Lumpur melalui kenyataan media telah memaklumkan bahawa perhimpunan Bersih 2.0 adalah perhimpunan tanpa permit dan tidak mendapatkan kebenaran daripada polis. Orang ramai, pertubuhan-pertubuhan, NGO dan politik telah dinasihatkan supaya tidak hadir dalam perhimpunan tersebut.

Walau bagaimanapun, nasihat tersebut tidak diendahkan oleh pihak Bersih, malahan banyak ceramah-ceramah diatur untuk menyeru orang ramai supaya hadir ke perhimpunan tersebut. Pihak polis berdasarkan maklumat semasa telah mengambil tindakan mengikut lunas-lunas undang-undang negara untuk mencegah daripada berlakunya perhimpunan pada 9 Julai 2011.

Kerajaan sedia maklum dan tidak menafikan tentang hak orang ramai untuk bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan dibawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Manakala pihak parlimen juga diberi hak untuk membuat undang-undang bagi mengawal selia hak-hak kebebasan yang diberi dalam Perkara 10 (2) Perlembagaan Persekutuan (sebagai contoh Seksyen 27 Akta polis 1967). Pihak polis hanya melaksanakan undang-undang negara mengenai perkara ini bagi menentukan keamanan dan keselamatan negara terus kekal. Pihak polis mempunyai tanggungjawab untuk menentukan sama ada sesuatu perhimpunan tersebut akan menjadi aman atau huru-hara. Sekiranya pada pandangan polis berdasarkan kepada fakta-fakta yang sedia ada sesuatu perhimpunan tersebut akan menyebabkan pecah keamanan, adalah menjadi kewajipan pihak polis untuk mengambil tindakan tegas untuk mencegah dari berlakunya suasana tersebut.

Justeru, sehingga hari ini, tindakan yang diambil oleh pihak polis bukannya sengaja untuk menyekat perhimpunan Bersih atau semata-mata untuk memihak kepada pihak kerajaan yang memerintah hari ini, tetapi tindakan yang diambil adalah untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

Soalan No :

<u>DEWAN</u> PERTANYAAN	LISA N	<u>PEMBERITAHU PERTANYAAN</u> <u>RAKYAT</u>
DARIPADA	Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ (LUBOK ANTU)	
TARIKH	17.11.2011	

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ [LUBOK ANTU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa pembinaan untuk tempat meletak kenderaan dan basikal tidak dimasukkan di dalam pakej pemberian bangunan Sekolah Rendah Lubok Antu sedangkan kosnya tidak begitu tinggi dan amat penting untuk kenderaan kakitangan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur yang baik bagi semua sekolah mengikut peruntukan yang disediakan dalam RMKe-9 mahupun RMKe-10. Agenda ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan pendidikan secara menyeluruh, merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid, memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan serta keupayaan KPM dalam menyediakan kemudahan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pelan bangunan projek menaik taraf SK Lubok Antu, Sarawak, skop kerja bagi projek tersebut

merangkumi 12 bilik darjah, empat (4) unit rumah guru, dewan makan, kantin dan kemudahan asas termasuk 39 petak ruang tempat meletak kereta (tanpa bumbung) untuk guru-guru serta tempat meletak basikal (tidak berbumbung) bagi para pelajarnya. Kos bagi keseluruhan projek ini berjumlah RM12.209 juta. Semua kemudahan ini sudah pastinya akan memberi keselesaan kepada guru mahupun pelajarnya. Usaha ini selaras dengan hasrat KPM agar warga sekolah tidak terbeban dengan masalah yang boleh menjejaskan tumpuan guru atau murid dalam P&P di sekolah.

Soalan No :

DEWAN **PEMBERITAHU PERTANYAAN**
PERTANYAAN **LISAN RAKYAT**

DARIPADA **Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM**
(ARAU)

TARIKH **17.11.2011**

SOALAN:

Y.B. DATO¹ ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan Kementerian di dalam RMK-10 untuk mempertingkatkan prasarana sekolah di kawasan luar bandar memandangkan ianya masih jauh ketinggalan berbanding dengan kemudahan yang sedia ada di kawasan bandar dan mengapa jurang ini dilihat semakin bertambah setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaiktaraf semua sekolah di seluruh negara sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keupayaan menyediakan infrastruktur fizikal dan guru-guru yang berkelayakan dan mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh, kerajaan telah meluluskan pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar di seluruh negara termasuklah di kawasan Ahli Yang Berhormat. Setakat ini projek-projek tersebut sedang dalam peringkat penyediaan dokumen tender.

Selain daripada itu, kerajaan dari semasa ke semasa akan menaiktaraf kemudahan rumah guru dan membina bangunan prasekolah.

KPM sentiasa memberi perhatian terhadap Infrastruktur Sekolah-Sekolah Luar Bandar seluruh negara. Pelbagai Program dan projek menaiktaraf infrastruktur sekolah-sekolah luar bandar sedang dan akan dilaksanakan. Antaranya ialah:

1. Program Bekalan Elektrik 24 jam ke sekolah-sekolah luar bandar menggunakan kaedah penyambungan talian grid, set generator dan solar hibrid.
2. Program Bekalan Air Bersih ke sekolah-sekolah luar bandar dengan sistem telaga tiub, sistem reverse osmosis dan punca air graviti.
3. Projek pembinaan sekolah-sekolah baru.
4. Projek pembinaan bangunan-bangunan bilik darjah, asrama dan rumah guru.
5. Projek menaiktaraf sekolah-sekolah, asrama dan rumah guru di sekolah-sekolah luar bandar.
6. Audit Fizikal.

Rjm 83

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)

TARIKH

17.11.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah setakat ini pelaksanaan bagi penggunaan makmal komputer sekolah di seluruh negara dan nyatakan jumlah sekolah yang gagal dan mengalami kerugian yang telah ditanggung Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan kemudahan makmal komputer yang disediakan di sekolah digunakan secara optimum. Bilangan komputer yang dibekalkan di sekolah adalah berdasarkan kepada enrolmen murid dan norma peralatan mengikut kategori model makmal yang telah ditetapkan oleh KPM. Justeru, setiap guru dan murid di sekolah yang dilengkapi dengan makmal komputer seharusnya berpeluang untuk memanfaatkan kemudahan tersebut. KPM mengambil berat dalam penyelenggaraan komputer di makmal komputer sekolah bagi membolehkan proses p&p berbantuan komputer dapat berjalan dengan lancar di samping mewujudkan budaya penggunaan ICT di sekolah. Untuk makluman, dari tahun 2009 hingga 2010, KPM telah membelanjakan hampir RM80 juta bagi tujuan penyelenggaraan peralatan ICT di 8,472 buah sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Di bawah RMKeIO untuk tahun 2011 sahaja, sebanyak 247 projek pembinaan makmal komputer telah dibina di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak 182 buah makmal komputer dibina di Sarawak, satu daripadanya dibatalkan pembinaannya. Bagi negeri Sabah, sebanyak 300 buah projek makmal komputer dijalankan. Daripada jumlah tersebut, 2 buah makmal telah berjaya disiapkan manakala 1 buah makmal dibatalkan pembinaannya. Sebanyak 46 projek ditangguhkan pembinaannya ke tahun 2012.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [
KUALA NERUS]

TARIKH

17.11.2011 (KHAMIS)

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan apakah pertumbuhan pesat Hypermarket telah menjejaskan peruncit
dan peniaga kecil. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah
tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan
mengawalselia pertumbuhan pengusaha-pengusaha *hypermarket* asing di
Malaysia dengan mewujudkan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor
Perdagangan Pengedaran Di Malaysia (Pindaan) 2010 (Garis Panduan). Salah
satu objektif utama Garis Panduan tersebut ialah untuk memastikan
pembangunan sektor perdagangan pengedaran yang adil dan saksama

disamping memastikan pembangunan pengusaha tempatan. Untuk makluman Garis Panduan ini tidak tertakluk kepada pengusaha *hypermarket* tempatan.

Berdasarkan perbandingan di antara Banci Perdagangan Edaran 2001 dan Banci Perdagangan Edaran 2008 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kedai-kedai runcit bertambah sebanyak 8.86% iaitu daripada 44,990 kepada 48,976 buah kedai runcit. Ini menunjukkan bahawa kehadiran *hypermarket* tidak memberi kesan yang begitu drastik kepada kedai runcit tempatan. Kedai runcit tempatan masih lagi mampu berkembang dan bersaing serta mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memenuhi kehendak pelanggan. Peningkatan ini walaupun agak perlahan, namun membuktikan bahawa kedai runcit tempatan masih lagi mendapat permintaan dari pelanggan dan masih relevan.

Antara langkah Kementerian bagi membantu peruncit dan peniaga kecil ialah melalui projek di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) menerusi projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) bersama *hypermarket* asing dan tempatan bermula pada 18 Januari 2011. Program ini bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing serta pendapatan peruncit dan peniaga kecil. Sehingga 15 September 2011 sebanyak 258 kedai runcit tempatan sedia ada telah berjaya ditransformasikan.

Melalui statistik dan usaha NKEA, dapat dilihat bahawa Kerajaan tidak mengabaikan pembangunan peniaga-peniaga kecil tempatan dan nasib mereka sentiasa dilindungi.

NO. SOALAN : 41